

19/01/2005

MAHATHIR-TAMBATAN

MAHATHIR KATA TAMBATAN RINGGIT PERLU DIKAJI SEMULA

Oleh Mohd Arshi Daud

PUTRAJAYA, 19 Jan (Bernama) -- Tambatan mata wang Malaysia yang telah dilaksanakan sejak lebih enam tahun lepas perlu dikaji semula kerana dolar AS yang lemah telah menyebabkan nilai ringgit merosot berbanding nilai mata wang-mata wang asing utama, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Saya fikir masanya telah tiba untuk kita kaji semula kerana kita kerugian banyak kerana nilai mata wang kita dah jatuh," katanya kepada pemberita selepas menemui Joseph E Stiglitz, seorang profesor ekonomi di Universiti Columbia di pejabatnya di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini.

Dr Mahathir berkata, kemerosotan nilai dolar AS memberi kesan yang kecil ke atas import Malaysia dari AS tetapi produk yang import yang dibeli dari Jepun, Eropah dan tempat lain kini berharga lebih mahal.

Ketika kemuncak krisis kewangan Asia, Dr Mahathir telah mengenakan kawalan modal berpilih-pilih dan menambat ringgit pada kadar 3.80 bagi setiap dolar AS sebagai sebahagian daripada langkah untuk menyekat aliran keluar dana lindung nilai dari negara ini dan melindungi Malaysia daripada perbuatan menurunkan mata wang secara mendadak.

Langkah itu mendapat kritikan dari banyak pihak kecuali beberapa orang pakar ekonomi yang termasuk Stiglitz dan pakar ekonomi terkemuka Paul Krugman.

Stiglitz berkhidmat sebagai Naib Presiden Kanan Bank Dunia dan Ketua Pakar Ekonomi antara bulan Februari 1997 (sebelum berlaku krisis kewangan Asia) dan Februari 2000.

Tambatan itu yang dikenakan pada 1 Sept, 1998, telah menstabilkan ringgit yang pada ketika itu turun menjunam ekoran kesan jangkitan yang bermula dengan penurunan nilai baht Thailand yang kemudiannya memberi kesan kepada mata wang serantau yang lain seperti rupiah Indonesia, won Korea Selatan dan peso Filipina.

Malaysia telah mendapat faedah dari kadar pertukaran tetap untuk tempoh beberapa tahun dan tidak perlu mematuhi sekatan yang dikenakan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa seperti yang berlaku terhadap beberapa buah negara di Asia.

Bagaimanapun, tambatan ringgit itu menjadi bahan spekulasi dan kemungkinan dikaji semula dalam tempoh sebelum berakhir tahun lepas apabila nilai dolar AS merosot mendadak dan atas jangkaan bahawa China yang muncul sebagai sebuah kuasa ekonomi Asia yang kian jelas, kemungkinan menilai semula yuannya.

Perkembangan ini dikatakan menarik dana spekulasi dari seberang laut yang ingin mengambil kesempatan daripada sebarang kemungkinan penilaian semula ke arah meningkatkan nilai ringgit yang ditambah dengan pasaran saham yang meningkat ketika itu.

Ketika diminta mengulas mengenai perkara itu, Dr Mahathir yang juga bekas Menteri Kewangan negara ini berkata:

"Daripada dulupun kita kata walaupun kita ada kadar pertukaran tetap, kita boleh tetapkan pada mana-mana tahap yang kita ingini.

"Ini adalah perkara yang paling penting..kebebasan untuk menetapkan kadar pertukaran."

Dengan itu, beliau berkata, terpulanglah kepada kerajaan untuk menilai cara terbaik untuk menilai semula ringgit.

"Sekarang ini kerana dolar AS jatuh maka nilai ringgit kitapun jatuh. Nilai dollar Singapura sudah meningkat, apakah ini baik kepada kita atau

tidak itu terpulang kepada kerajaan untuk mengkaji," katanya.

Dalam tempoh antara Januari 2004 dan pertengahan bulan ini, ringgit telah turun sebanyak 4.1 peratus berbanding euro, 5.1 peratus berbanding pound sterling, 3.2 peratus berbanding yen dan 3.6 peratus berbanding dolar Singapura.

Mengenai perjumpaan selama dua jamnya dengan Stiglitz, Dr Mahathir berkata, bekas pegawai Bank Dunia itu masih berminat untuk mengetahui bagaimana Malaysia telah mengendalikan krisis kewangan 1997-1998 dan bagaimana ia muncul lebih kukuh dari krisis itu.

"Banyak benda yang dia tahu berlaku tetapi dia tak tahu secara terperinci. Saya terangkan macam mana kita buat," katanya.

Stiglitz yang bertemu Mahathir secara peribadi bagi kali pertama berkata, langkah tambatan ringgit telah memberikan hasil yang baik bagi Malaysia dan ia telah memberikan kelebihan yang besar kepada ekonominya yang termasuk kestabilan kewangannya.

"Masalah kritikal yang timbul ialah di dalam dunia yang berubah di dalam keadaan turun naik yang keterlaluan, wujud risiko kadar pertukaran yang tidak dapat dikawal, jadi anda perlu sentiasa awas terhadap perubahan berkenaan."

Bagaimanapun, penerima Hadiah Nobel dalam bidang Ekonomi dalam tahun 2001 itu berkata, beliau juga berfikiran kritikal terhadap sistem kadar pertukaran tetap yang dilaksanakan di Argentina di mana ia telah cuba mengekalkan kadar pertukaran terlebih nilai untuk satu tempoh yang lama.

Ini dilakukan apabila dolar AS telah terlebih nilai dan kadar pertukaran mata wang jiran Argentina mengalami keruntuhan.

"Di dalam konteks itu, ia merupakan satu kesilapan besar tetapi keadaan itu tidak berlaku di Malaysia hari ini," katanya sambil menjelaskan bahawa pengajaran yang diperolehi di sini ialah dunia berubah di dalam keadaan turun naik yang keterlaluan.

Ketika ditanya sama ada beliau mencadangkan dilakukan penilaian semula tambatan ringgit, Stiglitz said: "Tidak, anda perlu memahami bila dunia berubah anda perlu berubah tetapi sekarang ini tambatan itu memberikan hasil yang baik."

Sambil menekankan bahawa kadar pertukaran tetap Malaysia masih "memberikan hasil (yang diinginkan)" pada nilai semasanya, beliau bagaimanapun menyatakan bahawa akhirnya "masa akan tiba untuk menukarkannya."

"Saya rasa sekarang bukanlah masanya (untuk menukarkannya) tetapi saya rasa persoalannya ialah anda perlu meneliti banyak data (agar membolehkan dibuat satu penilaian yang kukuh (yang bergantung kepada perubahan kemudiannya)," kata Stiglitz.

-- BERNAMA

MAD AHM